

# Penyerahan Bahan Seminar dan Prosiding

Oleh : Zuhra Zainuddin



Perpustakaan UTHM memainkan peranan yang penting dalam menyediakan pelbagai maklumat dan bahan rujukan kepada seluruh warga universiti. Salah satu koleksi perpustakaan ialah Koleksi Khas UTHM. Antara bahan rujukan Koleksi Khas UTHM adalah bahan seminar dan kertas prosiding. Sumber rujukan ini biasanya diperolehi daripada seminar, persidangan, konvensyen, simposium, bengkel dan kolokium samada anjuran UTHM atau organisasi lain. Unit Perolehan Koleksi Khas, Bahagian Pembangunan Sumber Maklumat (BPSM) bertanggungjawab dalam pengumpulan bahan-bahan tersebut.

## Unit Perolehan Koleksi Khas

Unit Perolehan Koleksi Khas berfungsi memperoleh bahan-bahan bercetak dan tidak bercetak mengenai UTHM juga hasil karya penulisan pelajar dan staf UTHM, Fakulti, Jabatan dan individu perseorangan.

Selain daripada itu unit ini menerima serahan bahan daripada staf UTHM yang menghadiri kursus, bengkel, seminar dan persidangan.

**Bahan-bahan tersebut akan dijadikan Koleksi Khas UTHM.**

**Pengguna boleh merujuk bahan tersebut bagi tujuan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.**

## Jenis-jenis bahan yang perlu diserahkan kepada perpustakaan:

- Tesis Sarjana Muda, Sarjana, Phd.
- Kertas peperiksaan.
- Buletin, buku, jurnal yang diterbitkan oleh Fakulti/ Jabatan dan Penerbit UTHM.
- Bahan persidangan dan seminar anjuran UTHM.
- Artikel yang ditulis oleh staf UTHM di dalam majalah, akhbar dan jurnal samada terbitan dalam dan luar negara.
- Artikel yang ditulis oleh staf UTHM di dalam seminar, persidangan, bengkel, ceramah dan kursus.
- Keratan akhbar mengenai UTHM.
- Bahan rakaman majlis/acara terpilih UTHM.

## PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pn. Nurul Elmy Mohd Yusof  
Pustakawan  
Unit Perolehan Koleksi Khas  
☎ 07-4533321  
✉ [nuruly@uthm.edu.my](mailto:nuruly@uthm.edu.my)